

# 2 individu diberi penghormatan atas sumbangan kepada pembangunan negara

SINGAPURA telah memberi penghormatan tertinggi kepada dua individu yang telah memberi sumbangan yang menyerlah kepada pertumbuhan dan pembangunan negara ini.

Pengerus Majlis Kajian Perubatan Nasional (NMRC), Professor K Ranga Rama Krishnan, dan Profesor Emeritus Sekolah Perubatan Duke-Universiti Nasional Singapura (NUS), Profesor Duane J. Gubler, telah menerima Anugerah Warga Terhormat dari Presiden Halimah Yacob dalam satu majlis khas di Istana semalam.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh pemerintah bagi sumbangan cemerlang oleh individu yang meninggalkan kesan signifikan dalam bidang perniagaan, sains dan teknologi perhubungan maklumat, pendidikan, kesihatan, kesenian dan budaya, sukan, pelancongan, khidmat kemasyarakatan atau keselamatan.

Menurut kenyataan bersama oleh Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) dan Kementerian Kesihatan (MOH), Profesor Krishnan selaku pengerusi paling lama berkhidmat dalam Lembaga NMRC, beliau telah memandu NMRC untuk meng-

hasilkan dan melaksanakan strategi bagi mendorong kecemerlangan dalam kesihatan dan sains biomedikal yang menjana hasil berkesan untuk Singapura.

Beliau khususnya memperkuuhkan sokongan NMRC dalam bidang kajian seperti kajian khidmat kesihatan dan penuaan di samping membangunkan inovasi dan pengkomersialan kajian. Ini termasuk penubuhan Pusat Invasi Kesihatan Nasional pada 2014, yang beliau merupakan pengerusi pengasas.

Sebagai dekan Duke-NUS dari 2008 hingga 2015, Profesor Krishnan memainkan peranan penting dalam menetapkan asas sekolah itu serta Pusat Perubatan Akademik Duke-NUS SingHealth.

Dalam kenyataannya, Profesor Krishnan melahirkan rasa terima kasih dan teruja dengan penerimaanugerah itu.

“Singapura telah memberi saya peluang unik dan sekali dalam seumur hidup untuk menjadi sebahagian daripada sekolah perubatan baru dan sistem kesihatan akademik yang benar-benar cemerlang,” ujarnya, yang juga anggota Lembaga SingHealth pada 2013 hingga 2022.

Sementara itu, Profesor Gubler

merupakan Pengarah Pengasas Program Penyakit Berjangkit Baru (EID) di Sekolah Perubatan Duke-NUS di samping menjawat peranan pengerusi bagi Panel Penasihat Pakar Denggi NEA, yang membimbang pasukan kajian NEA dalam membangunkan dan merintis teknologi Wolbachia.

Nasihat dan kepakarannya telah membentuk asas program kawalan denggi Singapura hari ini. Menjarkau denggi, beliau menubuhkan program EID dan menerapkan pengajaran yang ditimba daripada pengalaman Singapura semasa SARS dan demam selsema H1N1.

Hasilnya, respons Covid-19 Singapura telah dianggap dunia sebagai mempunyai tahap kesediaan dan kecekapan yang tinggi, menurut kenyataan itu.

Kata Profesor Gubler, yang pertama kali datang ke sini pada 1977:

“Saya telah melihat Singapura berubah menjadi ketua ekonomi dan kesihatan awam global, menjadi contoh untuk negara lain. Saya bangga dapat menjadi sebahagian daripada evolusi ini, tetapi apa sahaja sumbangan saya adalah kerana ramai rakan kerja dan teman warga Singapura yang bekerjasama dengan saya selama ini.”